



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

## Sheik, Jasni dipilih jadi jurulatih nasional

Berita Harian, 24 October 1998, Page 32

Article also available on Microfilm Reel NL21536

Printer-Friendly Page

### Sheik, Jasni dipilih jadi jurulatih nasional

**SILAT** Oleh YUSOFF A. RAHMAN

SEBAGAIMANA yang diramalkan, Sheik Alauddin dan Jasni Salam telah dipilih sebagai dua jurulatih nasional silat Singapura selama dua penggal.

Mengumumkan perantukan kedua-dua jurulatih itu, Presiden Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Abdul Rahman Ismail, berkata Maj-

Empat calon lain ialah Jamaludin Jamil, Azrin Abdul Rahim, Mohamed Noor Hashim dan bekas jurulatih nasional, Mohamed Ramli Awi.

Mengulas lebih lanjut tentang pemilihan itu, Abdul Rahman berkata kedua-dua mereka bukan saja masih muda bahkan dijangka dapat

kebolehan pesilat skuad negara," kata Presiden Persisi itu.

Beliau juga tidak perlu mempertikaikan komitmen mereka, tambahnya.

"Bahkan, sebelum ini saya juga bangga dengan komitmen yang ditunjukkan Sheik sebagai salah seorang anggota Persisi," ujarnya.

maklumkan kepada masing-masing selepas kepulangan setiausaha Persisi, Aeji Karmak, dari Jepun nanti.

Aeji berada di Jepun dari 22 hingga 30 Oktober ini bagi lawatan sambil belajar.

Bagi Sheik, 31 tahun, ini adalah pertama kali beliau dilantik menjadi jurulatih na-

lis Perses telah menerima saranan yang dikemukakan oleh Panel Pemilihan.

Panel yang terdiri daripada enam anggota itu telah mengadakan temu bual dengan enam calon dan kemudian menyarankan Sheik dan Jasni sebagai dua calon pilihan mereka.

memperkenalkan teknik-teknik baru dalam latihan kepada para pesilat dalam skuad negara nanti.

"Saya berharap Sheik dan Jasni bukan saja dapat membantu mengembangkan sukan ini bahkan memperkenalkan teknik terbaru dalam usaha meningkatkan tahap

Ditanya tidakkah dengan Sheik memikul dua jawatan itu akan menimbulkan masalah kepada Persisi, Abdul Rahman memberitahu: "Saya tidak fikir begitu."

Mengenai bilakah keduanya akan memulakan tugas itu, presiden Persisi itu berkata pihaknya akan me-

sional sementara Jasni, 39 tahun pula, ia bukanlah tugas baru kerana sebelum ini beliau adalah penolong jurulatih.

Sheik, yang sempat dihubung, memberitahu: "Saya gembira kerana telah diberikan kepercayaan untuk menjadi jurulatih nasional.

"Bersama Jasni, kami akan berusaha meningkatkan tahap kebolehan pesilat negara nanti."